

| | | | |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline | Program dapat sambutan positif pencari kerja | | |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad | | |
| Date | 15 Apr 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Page No | 15 |
| ArticleSize | 208 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 21,510 | | |
| | | | |



Program dapat sambutan positif pencari kerja

Kuala Lumpur: Golongan pencari kerja, bertali arus membanjiri Ekspo Pemuda 2018, yang berlangsung di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebaik acara itu dibuka jam 10 pagi semalam.

Ekspo anjuran Pemuda Barisan Nasional (BN) yang berlangsung hingga hari ini, menarik penyertaan lebih 200 syarikat swasta dari seluruh negara dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan menawarkan kira-kira 50,000 peluang pekerjaan.

Pereka grafik, Lee Cun Lin, 26, berkata dia tertarik untuk mengunjungi ekspo berkenaan kerana banyak syarikat besar menyertainya dan menawarkan peluang kerja.

"Sudah lama saya bekerja sebagai pereka grafik sebuah syarikat automotif. Melihat himpunan syarikat besar yang ada di sini, menarik minat saya untuk mencuba nasib," katanya.

Teruja lihat maklum balas orang ramai

Pengunjung dari Shah Alam, Lutfi Hadi Ismail, 34, teruja melihat maklum balas orang ramai yang padat memenuhi setiap ruang tapak ekspo.

"Walaupun tidak sempat meninjau semua tapak pameran, tetapi saya gembira menjadi daripada sebahagian pengunjung untuk mencuba nasib mendapatkan pekerjaan yang diinginkan.

"Harapan saya akan lebih ramai lagi anak muda datang ke sini mencuba peluang pekerjaan yang ditawarkan," katanya.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun, berkata ekspo itu adalah sejajar manifesto BN dalam usaha mewujudkan tiga juta peluang pekerjaan dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Melalui ekspo ini, 1.3 juta peluang pekerjaan di bawah pembangunan Visi Malaysia diwujudkan.

"Ia bertujuan meningkatkan peluang pekerjaan dalam industri berteknologi tinggi untuk mewujudkan lebih banyak pekerja mahir.

Hasil 10,000 pekerjaan

"Kami juga berhasrat menghasilkan 10,000 pekerjaan dalam bidang keusahawanan sosial dengan menyediakan dana khas daripada GLC," katanya.

Beliau berkata, pada pameran itu pengunjung boleh melihat pelbagai jenis industri yang menyediakan skim latihan, selain peluang pekerjaan.

Sementara itu, Pengurus Besar Tenaga Nasional Berhad (TNB), Rina Sarif, berkata pihaknya tidak pernah melepaskan peluang menyertai Ekspo Pemuda yang dianjurkan oleh UMNO.

"Kami sentiasa peka dalam sama-sama membantu dan berharap lebih ramai anak muda hadir ke ekspo ini.

"Kami terus menanti kehadiran mereka ke sini untuk menjadi sebahagian daripada warga TNB," katanya.